

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LIEW VUI KEONG [BATU SAPI]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK LIEW VUI KEONG [BATU SAPI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan membentangkan semula pindaan perlembagaan kepada Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan bagi mengembalikan status Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi bersama dalam Persekutuan Malaysia.

JAWAPAN: YB DATO' HAJJAH HANIFAH HAJAR TAIB, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

Secara umumnya, Kerajaan mensasarkan untuk menyelesaikan semakan pelaksanaan MA63 berdasarkan 3 fasa pelaksanaan iaitu sasaran jangka masa pendek (dalam tempoh <1 tahun), sasaran jangka masa sederhana (dalam tempoh 1-2 tahun) dan sasaran jangka masa panjang (tempoh >3 tahun). Walau bagaimanapun, setakat ini Jemaah Menteri masih belum membuat sebarang keputusan berhubung Cadangan Pindaan Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.